

# UPM TERIMA KUNJUNGAN DATO' MUSTAPA MOHAMED



Naib Canselor UPM (dua dari kanan) bersama ketiga-tiga Timbalan Naib Canselor saling bertukar pendapat dengan Dato' Mustapa Mohamed.

SERDANG (22 Mac) - 'Dua jam penuh makna' inilah dapat disimpulkan dan jelas terpamer di setiap wajah pihak pengurusan, pegawai kanan, para pegawai pentadbiran dan akademik Universiti Putra Malaysia (UPM) setelah berpeluang mengikuti Majlis Perjumpaan dengan Menteri Pengajian Tinggi Malaysia, YB Dato' Mustapa Mohamed, dekat sini, baru-baru ini.

Lawatan kerja yang berlangsung pada jam 5.00 petang di Bilik Lembaga, Tingkat Satu, Bangunan Pentadbiran UPM diadakan untuk menjalin hubungan telus dan proaktif di kalangan Institusi Pengajian Tinggi khususnya di UPM ini menjadi wadah kerjasama erat dan bersepada ke arah kecemerlangan universiti untuk terus menjana kepakaran yang dimiliki.

Aktiviti penuh manfaat ini merupakan antara senarai tugas Dato' Mustapa Mohamed yang baharu dilantik sebagai Menteri Pengajian Tinggi yang sebelum ini merupakan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, selepas pengumuman Rombakan Kabinet oleh YAB Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di Putrajaya pada 14 Februari 2006 lalu.

Menurut Ketua Bahagian Komunikasi Korporat, Noorizai Mohamed Noor, perjumpaan ini dapat menjelaskan pentadbiran UPM. Termasuklah, berkaitan mahasiswa, penyelidikan, pertanian dan pegawai akademik kepada Dato' Mustapa Mohamed. Sesi soal jawab secara dua hala berjalan lancar dan berkesan.

Kunjungan ini sungguh bermakna kerana membuktikan UPM tetap dan sentiasa mendapat perhatian kerajaan. Ini menunjukkan kesibukan sebagai menteri bukan menjadi batu penghalang untuk beramah mesra dan saling kenal mengenali dengan pegawai di UPM.

(Oleh: SHARIL NIZAM SHA'RRI)